

Spesies paling terancam

SH 1/3/2021 m/s 19

Tuntung Sungai
Kemaman hampir
status pupus di
Malaysia

Oleh FARAH SHAZWANI

KUALA TERENGGANU

Spesies tuntung sungai yang dijumpai di Sungai Kemaman masih disenaraikan sebagai amat terancam (*critically endangered*) iaitu satu sahaja tahap sebelum diumumkan pupus.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu, Dr Mohd Uzair Rusli berkata, rujukan terkini Senarai Merah Spesies Terancam IUCN (*IUCN Red List of Threatened Species*) itu menunjukkan keadaan tersebut amat genting kerana masih kurang-

an maklumat lengkap untuk spesies berkenaan.

Menurutnya, buat masa ini pihaknya masih bergantung dengan pengumpulan data yang diperoleh daripada pelbagai pihak melalui pemerhatian aktiviti persarangan sahaja.

“Persarangan hanya dilakukan oleh tuntung betina.

“Hakikat sebenar bilangan keseluruhan tuntung jantan dewasa dan anak tuntung di dalam sungai tidak diketahuhi,

“Apa yang pasti, antara keistimewaanannya adalah ia hanya boleh dijumpai di Malaysia, Sumatera, Thailand dan Borneo,” katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Jelas Dr Mohd Uzair, tidak banyak maklumat diketahui mengenai ekosistem



DR MOHD UZAIR



Keratan *Sinar Harian* pada Sabtu.

tuntung sehingga hari ini.

Namun, beliau percaya tuntung amat penting dalam mengawal populasi organisma.

“Tuntung khususnya mempunyai makanan yang spesifik.

“Sebagai contoh, terdapat kajian menunjukkan wujudnya tuntung yang hanya memakan sejenis siput dan bertindak mengawal populasi siput yang mampu merosakkan keseluruhan ekosistem jika berlaku ledakan populasi.

“Namun bagi spesies yang berada di Kemaman, kami

tidak mempunyai maklumat lengkap pemakanannya.

“Saya rasa ia wajar diberikan perhatian oleh pihak berwajib untuk melipatgandakan lagi usaha konservasi melalui pemahaman saintifik,” katanya.

Jelasnya, amat penting untuk kerajaan mengambil langkah menyelamatkan tuntung bagi menjamin kestabilan ekosistem.

Setiap spesies katanya, mempunyai peranan yang dimainkan.

“Jika kehilangan satu spesies dalam sesuatu habitat, ia akan mengakibatkan kesan berantai yang akhirnya memusnahkan keseluruhan ekosistem.

“Kita tahu sungai adalah nadi kehidupan, jika kita hilang spesies ini di dalam sungai kita, sungai tersebut akan terancam dan tidak lagi boleh memberikan sumbangan yang bermakna kepada manusia seperti sumber protein kita iaitu ikan,” katanya.